

MAHKAMAH TINGGI,  
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,  
JALAN RAJA,  
50506 KUALA LUMPUR.

Bil: (55)dlm.JK/MA 38  
Vol.IV  
Tarikh: 28 Jun, 1994

Hakim,  
Mahkamah Sesyen,  
Semenanjung Malaysia.

Semua Timbalan Pendaftar/  
Penolong Kanan Pendaftar,  
Mahkamah Tinggi Malaya.

Majistret,  
Mahkamah Majistret,  
Semenanjung Malaysia.

Dato' /Tuan/Puan,

**ARAHAN AMALAN NO. 4 TAHUN 1994.**

**Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 1994  
Bidangkuasa Tambahan Kepada Mahkamah Sesyen.**

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan memaklumkan bahawa Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 1994 telahpun berkuatkuasa mulai 24 Jun, 1994.


2. Pindaan tersebut memberi kuasa kepada Mahkamah Sesyen untuk mendengar semua tuntutan gantirugi yang berbangkit daripada kemalangan kenderaan motor, kes tuan tanah atau tuan rumah dan penyewa, dan distres bagi sewa, serta juga lain-lain kes dimana amaun atau nilai hal perkara itu tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit.

3. Sehubungan dengan itu, Y.A.A. Hakim Besar Malaya mengarahkan agar semua kes-kes baru bagi kategori di atas, yang difailkan selepas 24 Jun, 1994, hendaklah difailkan di Mahkamah Sesyen yang berkenaan. Manakala kes-kes berkenaan yang telah sedia ada (pending) di Mahkamah Tinggi hendaklah terus didengar dan diselesaikan di peringkat Mahkamah Tinggi sehingga arahan baru dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

  
( RAMLY BIN HJ. ALI )  
Pendaftar,  
Mahkamah Tinggi Malaya,  
Kuala Lumpur.

s.k.

Y.A.A. Ketua Hakim Negara.

Y.A.A. Hakim Besar Malaya.

Y.A.A. Hakim Besar Sabah dan Sarawak.

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan.

Y.B. Peguam Negara Malaysia.

Y.A. Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman,  
Mahkamah Tinggi Malaya.

Ketua Pendaftar, Mahkamah Persekutuan Malaysia.

Ketua Setiausaha, Kementerian Undang-Undang Malaysia.

Semua Penasihat Undang-Undang Semenanjung Malaysia.

Pengerusi, Majlis Peguam

Kanun,  
Dewan Bahasa & Pustaka,  
Kuala Lumpur.

Pustakawan,  
Mahkamah Persekutuan/Jabatan Peguam Negara,  
Kuala Lumpur.